

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Kehendak rakyat jaya lagi

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kemenangan calon Barisan Nasional dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sembilan kawasan Gemencheh semalam membuktikan parti Barisan Nasional dikehendaki oleh rakyat.

Seperti kemenangan cemerlang Barisan Nasional dalam pilihanraya umum lalu, keputusan pilihanraya Gemencheh juga bukanlah suatu nasib tetapi "dikehendaki oleh rakyat sendiri".

Berucap merasmikan persidangan ketua-ketua bahagian dan cawangan MCA di Wisma MCA di sini hari ini, Perdana Menteri berkata:

"Kemenangan itu bukanlah nasib atau cara kebetulan kerana berjaya mengalahkan calon-calon PAS dan DAP hingga wang pertaruhan mereka hilang."

Calon Barisan Nasional, Encik Waad Haji Mansor, 25 tahun, mendapat 5,787 undi dalam pertandingan empat penjuru, mengalahkan calon DAP, PAS dan Bebas.

Lawannya yang terdekat ialah Encik Mohamad Lasim atau Hashim Haji Pilus dari Bebas yang mendapat 2,584 undi.

Calon PAS dan DAP hilang wang pertaruhan. Mereka ialah Encik Lee Kong Chon (DAP) mendapat 687 undi dan calon PAS, Ustaz Mohamed Ali Napiah Ismail, mendapat 332 undi.